

## **Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan Dan Kesan-Kesannya Kepada Kesejahteraan Masyarakat**

Merujuk kepada Kertas Dasar Wanita Kelantan didapati perkara asas dan pokok tentang wanita Islam telah digarap dengan jelas sebagai satu ikrar Kerajaan Negeri untuk mendokong cita-cita Islam dalam penjagaan, perlindungan dan pembangunan wanita. Melalui Kertas Dasar itu, Kerajaan Negeri Kelantan telah menetapkan lima belas sektor utama untuk menggerakkan agenda perubahan wanita (Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, 2005).

Dari aspek peranan wanita, Kerajaan Negeri telah menggariskan peranan utama mereka selaku:

- i. Pengukuh kesejahteraan keluarga
- ii. Pendidik generasi akan datang
- iii. Pemangkin produktiviti masyarakat
- iv. Penyumbang kepada ilmu pengetahuan
- v. Pencetus keprihatinan terhadap masyarakat

Beberapa mekanisme pentadbiran telah ditubuhkan bagi menjayakan dasar ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah Unit Pembangunan Wanita yang diletakkan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Wanita, Belia, Sukan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan. Unit ini telah berkembang dan mengalami beberapa kali proses penambahbaikan sehingga mutaakhirnya terbentuk sebuah Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan yang diletakkan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Negeri Kelantan. Melalui urusetia tersebut, pelaksanaan dasar wanita di negeri Kelantan menjadi lebih strategik, progresif dan terancang.

Seperti yang dinyatakan di atas bahawa kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan polisi wanita berdasarkan hukum syara" semenjak mula memerintah Kelantan pada tahun 1990 lagi, cuma pada masa itu ia belum mempunyai kertas dasar yang lengkap. Sebaliknya kerajaan Negeri telah melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan wanita berpandukan kepada beberapa kaedah dan saluran, seperti ;berdasarkan manifesto parti semasa kempen pilihanraya, melalui kertas Belanjawan Tahunan yang dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri setelah diluluskan oleh Dewan yang bersidang, melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco Kerajaan), berdasarkan arahan daripada Menteri Besar sendiri, melalui rancangan pemabangunan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Majlis Daerah dan sebagainya.

Sepanjang tempoh 20 tahun, Kerajaan Kelantan telah berjaya melakukan banyak perubahan ke atas kedudukan wanita dan peranannya bagi menonjolkan kemuliaan dan kepentingan wanita dalam pembangunan masyarakat, baik dalam kapasiti mereka sebagai seorang manusia, seorang wanita, seorang ibu, seorang anak perempuan, seorang isteri mahupun anggota masyarakat, selaras dengan peranan Islam yang merupakan agama pertama yang mengiktiraf kemuliaan dan hak wanita (Yusuf al-Qaradhawi, 2009).

Di antara agenda pembangunan dan program kesejahteraan wanita yang telah dijalankan ialah (Shukeri Mohamad, 2009):

**PERTAMA:** Bagi menjayakan matlamat mempertahankan dan membina kemuliaan dan kemaslahatan wanita melalui pengukuhan akhlak, terutamanya misi penjagaan aurat dan kehormatan wanita yang sangat ditekankan oleh Allah Taala, maka langkah-langkah berikut telah diambil:

1. Kerajaan negeri tidak lagi membenarkan papan iklan yang memperagakan wanita yang mendedahkan aurat.
2. Kerajaan negeri juga telah mengeluarkan arahan terhadap kakitangan awam wanita supaya menutup aurat semasa waktu pejabat(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun, 1993), tidak bersolek dan bergincu semasa di pejabat. Ini adalah bertujuan untuk mengangkat maruah wanita, menghormati dan menghindarkan wanita daripada dieksploitasi oleh mana-mana pihak(Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, 1995; Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1999a).Malah pada tahun pertama menjadi Menteri Besar, Tuan Guru. Nik Abdul Aziz telah memberikan saranan tidak membenarkan wanita bekerja malam bagi menjaga keselamatan mereka.
3. Menganjurkan kejohanan sukan untuk wanita dengan menjaga batas-batas aurat.
4. Menghentikan Kegiatan Kelab Malam.  
Kegiatan kelab malam sebenarnya bercanggah dengan kehendak Islam kerana melibatkan pergaulan bebas, minuman keras, pendedahan aurat wanita, pembaziran wang dan sebagainya. Ia mendatangkan kesan yang buruk kepada masyarakat dan sangat membahayakan generasi muda dan masa depan negara apabila melibatkan wanita-wanita sebagai pekerja bagi menarik orang ramai ke kelab malam..
5. Kerajaan negeri juga telah menetapkan kuatkuasa pakaian menutup aurat kepada pekerja-pekerja di premis perniagaan bermula pada 1 Januari 1992(Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1992). Untuk itu, tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana premis termasuk menarik balik lesen-lesen premis perniagaan sekiranya didapati pekerja-pekerja tidak mematuhi peraturan menutup aurat. Kuatkuasa etika pakaian Islam (menutup aurat) menetapkan bahawa ianya menjadi syarat pengeluaran lesen premis oleh pihak berkuasa tempatan.
6. Menghapuskan kegiatan pelacuran(Berita Minggu, 13 Januari 1991).
7. Mengasingkan kaunter bayaran antara lelaki dan wanita di pusat-pusat membeli belah.Mengasingkan tempat duduk dalam majlis rasmi antara lelaki dan wanita.Menetapkan peraturan kedai gunting iaitu tiada arak dan bilik tambahan bagi mencegah unsur maksiat. Tukang gunting lelaki menggunting lelaki, perempuan menggunting wanita, sama ada Islam mahupun bukan Islam(Jabatan Perlesenan MPKB, April 2005).
8. Meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri 1998 yang mewujudkan pemantauan yang berkesan untuk mengelak berlakunya pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita dan melarang wanita terlibat dalam persembahan hiburan("Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan," 1998).

Melalui program-program di atas sudah pasti dapat menjaga kehormatan dan aurat wanita sebagaimana yang dituntut oleh ajaran Islam. Allah Taala telah menjelaskan kepentingan menutup aurat dan menjaga kehormatan wanita dalam firmanNya yang bermaksud: "*Yang demikian itu lebih mudah mereka dikenali, maka mereka tidak diganggu*(al-Quran 33:59), iaitu dapat menjaga keselamatan mereka daripada gangguan. Program-program yang diperkenalkan juga dapat melindungi wanita daripada unsur-unsur maksiat dan eksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan melalui golongan wanita.Masyarakat akan terselamat daripada gejala penyuburan maksiat yang melibatkan perhubungan antara lelaki dan wanita. Masyarakat juga akan terselamat daripada bencana yang dahsyat apabila kerajaan menghapuskan kegiatan pelacuran. Dengan itu ia dapat membina kemuliaan wanita sebagai asset pembangunan negara.

**KEDUA:**Bagi menjayakan matlamat mempertahankan dan meneguhkan sistem kekeluargaan berdasarkan cara hidup Islam atau ketuhanan, nilai dan kepercayaan kaum serta moral sejagat, menjaga kebajikan para wanita/ibu-ibu, ibu tunggal dan seluruh kepentingan institusi kekeluargaan, maka program berikut telah dijalankan:

1. Kerajaan negeri telah menambah cuti bersalin selama 60 hari bermula 1 Mac 1991(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun, 1991). Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 1991 menyebut bahawa kerajaan negeri bersetuju meminda tempoh cuti bersalin bergaji penuh daripada 42 hari kepada 60 hari, mulai dari hari anak itu dilahirkan, termasuk cuti hujung minggu dan hari kelepasan Am. Kemudahan ini diberikan kepada pegawai/kakitangan wanita kerajaan negeri bagi tujuan pemulihan dari bersalin. Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan yang sama pada tahun 1998 melalui Pekeliling Perkhidmatan 2 Tahun 1998 “ Kemudahan Cuti Pegawai Bersalin”.
2. Di samping itu kerajaan negeri melalui Perbadanan Kelantan Berhad (PKB) telah menubuhkan Pusat Rawatan Islam an-Nisa” iaitu hospital khusus untuk bersalin dan kanak-kanak bermula tahun1995(Harakah, 11 Disember 1995).
3. Menetapkan lima hari bekerja sahaja, dengan menjadikan cuti mingguan sebanyak dua hari, iaitu hari Jumaat sebagai hari ilmu dan hari Sabtu sebagai hari keluarga (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8, 1995).
4. Memperawalkan waktu pulang kerja dengan ditiadakan waktu rehat tengah hari di bulan Ramadhan untuk menjaga kepentingan kakitangan wanita dan keluarga.
5. Menubuhkan Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan yang menumpukan usaha secara khusus tentang pembangunan wanita, keluarga dan kesihatan.
6. Mewajibkan ujian HIV kepada bakal-bakal pengantin lelaki dan wanita.
7. Mengadakan program pembangunan armalah(ibu tunggal/balu).
8. Melancarkan program takaful armalah(ibu tunggal/balu).
9. Menganjurkan Kahwin Perdana seramai 100 pasangan.
10. Melancarkan Skim Gerbang az-Ziwaaj dengan memberikan sumbangan untuk perkahwinan sebanyak RM1000 kepada individu yang layak.
11. Mengadakan Kempen Pengurusan Keluarga Sihat Sejahtera dan program kursus keluarga bahagia.
12. Mewartakan Dasar Pencegahan Gejala Sosial Negeri yang mempunyai kaitan secara langsung untuk menjaga kesejahteraan wanita dan keluarga.

Melalui program-program di atas sudah pasti dapat meningkatkan kebajikan para wanita di semua peringkat, seperti ibu-ibu yang bersalin, golongan armalah/ibu tunggal, seterusnya dapat meneguhkan sistem kekeluargaan berpandukan Syarak, apabila ruang masa yang lebih banyak diberikan kepada wanita untuk menguruskan tanggungjawab kekeluargaan mereka di rumah. Sedangkan sebelum ini bagi para wanita yang bekerja di pejabat-pejabat tidak mempunyai ruang yang selesa untuk bersama keluarga kecuali pada bari cuti mingguan sahaja. Bagi menghayati gaya hidup syarak dalam keluarga pula, kerajaan telah memperkenalkan program rumah tidak kurang dari tiga bilik supaya dapat mengasingkan tempat tidur antara anak-anak lelaki dan perempuan. Langkah kerajaan memberikan galakan perkahwinan juga akan dapat menghidupkan penghayatan yang baik terhadap konsep perkahwinan Islam.

**KETIGA:** Bagi menjayakan matlamat perkongsian yang adil terhadap peluang penyertaan dan manfaat pembangunan serta perkongsian terhadap sumber-sumber di antara wanita dan lelaki, maka langkah-langkah berikut telah diambil:

1. Kerajaan negeri melantik kaum wanita sebagai Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Majlis Daerah. Menteri Besar Kelantan ketika menyampaikan ceramah bertajuk: “Sahsiah Wanita

Islam” di Himpunan Kesedaran Wanita Islam di Sungai Durain, Kuala Krai pada 19 Januari 1995(Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1995), menegaskan bahawa kerajaan negeri sentiasa menghargai peranan dan jasa wanita. Justeru itulah kerajaan negeri melantik kaum wanita sebagai Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Majlis Daerah.

2. Menukar nama Pasar Besar Kota Bharu kepada Pasar Besar Siti Khadijah bagi menghargai peranan wanita dalam bidang perniagaan.
3. Mengiktiraf peranan para ibu dengan mengurniakan anugerah Ibu Mithali untuk menjadi contoh kepada golongan wanita.
4. Mengiktiraf peranan para beliawanis dengan memberikan anugerah Tokoh Beliawanis untuk menjadi contoh kepada para belia dan beliawanis.
5. Membina Pusat-pusat Pembangunan Wanita Kelantan di setiap daerah yang menjadi pusat aktiviti wanita.
6. Melantik Penghulu-penghulu Wanita.
7. Melantik wanita sebagai senator untuk mewakili Kerajaan Negeri ke Dewan Negara.
8. Melantik wanita sebagai EXCO dan Timbalan EXCO Kerajaan Negeri Kelantan.
9. Mewartakan Dasar Wanita Negeri.
10. Mewartakan Dasar Belia Negeri yang turut melibatkan para beliawanis.
11. Membina Pusat-pusat Pembangunan Wanita Kelantan di setiap daerah yang menjadi pusat aktiviti wanita.

Melalui program-program di atas dapat membuka peluang yang adil dan saksama kepada wanita memberikan sumbangan dalam proses pembangunan masyarakat mengikut landasan Syarak, seperti membina Pusat-pusat Pembangunan Wanita Kelantan di setiap daerah yang menjadi pusat aktiviti wanita, menukar nama Pasar Besar Kota Bharu kepada Pasar Siti Khadijah sebagai menghargai peranan wanita dalam bidang perniagaan, menganjurkan kejohanan sukan untuk wanita yang menutup aurat dan lain-lain lagi. Melalui peranan yang diberikan kepada wanita di peringkat kepimpinan kerajaan, pentadbiran dan jabatan-jabatan sudah pasti dapat meningkatkan kemampuan wanita dalam memikul tugas pembangunan wanita secara khusus, dengan lebih baik dan berkesan, terutamanya mereka dapat melaksanakan kegiatan dakwah dan pembangunan insan secara langsung apabila golongan wanita sendiri ditugaskan sebagai pengajar dan pengendali program.

**KEEMPAT:**Bagi menjayakan matlamat membangunkan wanita sebagai potensi sumber manusia untuk pembangunan masyarakat dan menggalakkan penyertaan mereka dalam proses pembangunan masyarakat dalam bidang yang bersesuaian mengikut landasan syarak, maka program berikut telah dijalankan:

1. Menubuhkan Unit Halaqat yang bertanggungjawab mengatur kegiatan dakwah Islamiah dan pembangunan insan, khususnya melalui masjid dan surau dengan melantik pegawai-pegawai dan pembantu-pembantu yang berkelayakan dari kalangan lelaki dan wanita(Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1999b).
2. Meningkatkan program-program pendidikan negeri yang dipertanggungjawabkan kepada pihak Yayasan Islam Kelantan untuk melahirkan generasi yang berpendidikan Islam, tidak kira lelaki mahupun perempuan, melalui pendidikan Islam, Sains dan Tahfiz (Temubual Ustaz Mansor Daud, Bekas Pengetua Penolong Pengarah YIK pada 5 Jun 2003).
3. Membuka kelas aliran sains tulen di Maahad Muhammadi Lelaki dan Perempuan.
4. Menubuhkan Maahad Tahfiz Sains untuk pelajar-pelajar perempuan seperti di Beris Kubor Besar dan Maahad Tahfiz Sains di Bukit Panau Tanah Merah.
5. Mengadakan kuliah bulanan bagi kakitangan wanita dalam pentadbiran Kerajaan.
6. Menganjurkan program kursus perkahwinan

7. Menukar nama Pasar Besar Kota Bharu kepada Pasar Besar Siti Khadijah bagi menghargai peranan wanita dalam bidang perniagaan.
8. Mengiktiraf peranan para ibu dengan mengurniakan anugerah Ibu Mithali untuk menjadi contoh kepada golongan wanita.
9. Mengiktiraf peranan para beliawanis dengan memberikan anugerah Tokoh Beliawanis untuk menjadi contoh kepada para belia dan beliawanis.

Melalui program-program yang dijalankan dapat membangunkan wanita sebagai sumber manusia untuk pembangunan masyarakat bertepatan dengan Syariat Islam, kerana peningkatan kualiti pendidikan Islam, sains dan tahfiz di peringkat yang lebih tinggi akan dapat melahirkan golongan wanita masa depan yang berguna kepada pembangunan negara dan umat. Langkah-langkah bijak pihak kerajaan memperkenalkan anugerah kecemerlangan wanita di semua peringkat sudah pasti meningkatkan semangat dan motivasi mereka untuk bekerja lebih gigih melibatkan diri dalam setiap proses pembangunan masyarakat. Ruang penyertaan yang luas kepada golongan wanita yang diberikan oleh kerajaan akan meletakkan mereka berada pada kedudukan yang baik dan penting sebagai penggerak kepada pembangunan umat yang cemerlang, terutamanya kepada golongan wanita sendiri.

Dalam aspek kehakiman dan undang-undang, kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan pembelaan dan penjagaan terhadap kaum wanita dengan menggubal dan meluluskan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah (ii) 1993 (Undang-Undang Hudud, Qisas dan Takzir), tetapi masih tidak dapat dilaksanakan kerana dihalang oleh kerajaan Pusat yang lebih berkuasa. Jika Enakmen tersebut dapat dijalankan, ia pasti dapat menjamin hak dan kepentingan wanita dengan lebih sempurna lagi. Sehingga sekarang ini Enakmen tersebut masih tidak dapat dilaksanakan memandangkan skop kuasa politik kerajaan negeri yang terhad dan dihalang oleh Kerajaan Pusat yang diterajui oleh Barisan Nasional. Oleh itu kerajaan terpaksa menggunakan enakmen-enakmen yang sedia ada seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (1983) dan (2002).

Jika masyarakat dapat menghayati agenda dan pembaharuan-pembaharuan Islam di atas, mereka akan menikmati kesejahteraan sejati kerana maruah wanita terpelihara dan terjaga dengan baik daripada dicemari (Hassan Mahmood, temubual, 3 Ogos 2006). Dengan itu wanita sebagai institusi pembinaan generasi dapat berfungsi dengan sebaik mungkin kerana terselamat daripada unsur-unsur yang merosakkan imej dan peranan mereka. Mereka dapat menjalankan tanggungjawab keluarga dan masyarakat dengan ketakwaan, tanpa gangguan. Malah apabila muncul kesedaran mendalam dalam anggota masyarakat untuk membela kedudukan dan martabat wanita mengikut kacamata Islam, maka kesejahteraan sebenar akan tercapai kerana masyarakat akan terhindar daripada gejala maksiat dan gelombang kemungkaran yang ganas yang selalu dikaitkan dengan wanita.

## **Kesimpulan**

Daripada perbincangan di atas, Dasar wanita yang dijalankan oleh Kerajaan Kelantan menepati misi Islam dalam penjagaan dan pembangunan wanita. Walaupun kerajaan negeri mendapat tentangan daripada setengah pihak apabila memperkenalkan polisi pembangunan wanita tersebut, tetapi kerajaan negeri penuh yakin bahawa wanita akan dapat dijaga dengan baik dan menikmati kesejahteraan hanya melalui cara dan petunjuk Islam. Tidak ada siapa pun akan rugi apabila bersama dengan Islam dan para Ulama yang bertakwa. Amin